

19119

A. Samad Idris et al. Adat merentas zaman. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan budaya Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, 1994

PENGLIBATAN PENULIS-PENULIS NEGERI SEMBILAN DALAM ARUS PERKEMBANGAN KESUSASTERAAN MELAYU ATAU KESUSASTERAAN KEBANGSAAN : SELINTAS TINJAUAN

OLEH
RAMLI ISIN*

Sebelum saya menjurus kepada topik di atas, pertama-tama di sini saya sengaja membuat batas pembicaraan kepada penulis-penulis yang menceburkan diri di dalam bidang kesusasteraan saja, walaupun saya menyedari sepenuhnya bahawa cukup ramai bilangan penulis yang berasal atau telah lama bermastautin di Negeri Sembilan atau tanah adat ini, yang menulis di bidang-bidang lain seperti bidang bahasa, bidang sejarah, bidang agama, bidang ekonomi, bidang pertanian, bidang ilmu alam, bidang adat istiadat dan beberapa bidang ilmu sains sosial lainnya.

Hal ini dilakukan demi untuk mengelakkan suatu pembicaraan yang terlalu luas. Di samping itu kertas kerja ini juga bukanlah merupakan suatu pembicaraan yang terperinci sama ada dari aspek nama-nama penulis mahupun karya-karya yang mereka hasilkan. Saya percaya memang terdapat beberapa penulis yang seharusnya tersantum dalam pembicaraan ini tetapi terlepas, terutama sekali penulis-penulis sebelum perang. Ini tentu saja disebabkan kesulitan untuk

mendapatkan sumber.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa penglibatan penulis-penulis Negeri Sembilan dalam arus perkembangan kesusasteraan Melayu atau kesusasteraan kebangsaan itu telah bercambah dan bertumbuh sejak tahun-tahun 1920an lagi, iaitu seiringan dengan perkembangan awal kesusasteraan Melayu moden kita.

Bermulanya penglibatan mereka itu tidak dapat dinafikan atau dilepaskan dari ikatan tertubuhnya sebuah institusi perguruan iaitu Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim atau Sultan Idris Training College (1922) dan dengan tertubuhnya Pejabat Karang Mengarang di Maktab tersebut (1924) di bawah pimpinan Za'ba yang bertindak sebagai penterjemah dan juga penulis buku-buku pengetahuan terutama tentang nahu Bahasa Melayu. Di samping Za'ba, Abdul Kudus Muhammad juga adalah merupakan orang yang turut menyumbangkan tenaganya ke arah perkembangan Pejabat Karang Mengarang itu. Kedua mereka ini adalah putera jati Negeri Sembilan. Dengan artikelnya yang berjudul *Recent Malay Literature* (1941), Pendita Za'ba telah menyingkap dan menghuraikan dengan panjang lebar tentang perkembangan kesusasteraan Melayu diawal pertumbuhannya hingga ketahun-tahun sebelum perang dunia kedua.

Penubuhan Pejabat Karang Mengarang itu bukan saja telah memainkan peranannya dalam bidang terjemahan bagi mengatasi kekurangan buku-buku ilmu pengetahuan dalam Bahasa Melayu untuk kegunaan sekolah-sekolah Melayu dan maktab itu sendiri, malah juga telah memberikan rangsangan yang positif kepada beberapa orang tenaga pengajar dan guru pelatih di maktab tersebut. Ini termasuklah beberapa tenaga pengajar dan guru pelatih yang berasal dari Negeri Sembilan seperti Mohd. Yusof Ahmad, Mohd. Yusof Arshad, Hashim Amir Hamzah, Abu Samah Potot dan lain-lain. Tidak kira sama ada aktiviti penulisan kreatif imajinatif itu dilakukan mereka semasa berada di maktab itu atau pun setelah mereka keluar berkhidmat di tengah-tengah masyarakat.

Suasana pertumbuhan minat berkarya penulis-penulis Negeri Sembilan di Maktab Perguruan Sultan Idris dalam bidang kesusasteraan Melayu ditahun-tahun sebelum perang itu memang tidak dapat kita nafikan telah meniupkan pengaruhnya yang kuat bukan saja kepada guru-guru pelatih di maktab itu kemudiannya, malah juga memberi pengaruh yang positif kepada putera puteri Negeri Sembilan lainnya yang menceburkan diri mereka dalam bidang penulisan sastera kreatif imajinatif. Patah tumbuh dan hilang sentiasa berganti. Jejak yang dirintis selalu menjadi ikutan.

Justeru itu memang merupakan suatu kenyataan yang konkrit bahawa di tahun-tahun selepas perang, terutama di tahun-tahun 1950an hingga kini, kemunculan penulis-penulis karya kreatif imajinatif dari Negeri Sembilan memang cukup menggalakkan dan memang dapat dianggap setanding nilai serta seiring jalan dengan penulis-penulis kreatif imajinatif tanahair lainnya. Mereka menceburkan diri dalam semua genre atau bidang penulisan kreatif iaitu puisi, cerpen, novel, drama dan juga esei kritikan sastera. Dan mereka juga membincangkan tentang seluruh aspek kehidupan masyarakatnya tanpa mengira

ruang, batas, waktu serta lingkungan di mana mereka berada. Mereka berbicara tentang semangat kebangsaan, cintakan tanahair, masalah kemiskinan, masalah kaum tani, masalah pelajaran, masalah sosial, masalah adat dan budaya, masalah pemimpin dan persoalan-persoalan semasa lainnya.

Dengan tercapainya kemerdekaan negara (1957) dan dengan munculnya berbagai media cetak atau wadah penampungan sebagai penyalur idea dan pemikiran, ini benar-benar telah banyak memberikan ruanggerak fikiran, pandangan dan sikap yang lebih bebas kepada penulis-penulis bukan sahaja kepada penulis-penulis Negeri Sembilan malah kepada penulis-penulis tanahair lainnya dalam menghasilkan karya-karya mereka dalam genre sastera. Dalam hal ini ternyata pengamatan dan jangkauan serta skop pembicaraan mereka jauh lebih luas dan beragam berbanding dengan apa yang disogokkan oleh penulis-penulis sebelum perang. Ini mungkin disebabkan oleh perkembangan ilmu dan dasar pelajaran kebangsaan di negara kita di samping peningkatan daya persepsi dan daya intelektual mereka. Di samping itu tentu saja disebabkan oleh keadaan kehidupan masyarakat kini yang lebih kompleks berbanding dengan kehidupan masyarakat sebelum perang itu. Mereka berkarya terpaksa mengikut suasana dan keadaan zaman.

Beberapa nama penulis sasterawan Negeri Sembilan yang selama ini banyak menumpukan tenaga kreatif mereka dalam bidang kesusasteraan tanahair selepas merdeka, memang cukup kita kenalpasti sama ada dalam genre puisi, cerpen, novel mahupun drama serta esei kritikan itu. Ini bukan saja oleh peminat-peminat sastera di tanahair, malah juga oleh para pelajar di Sekolah Menengah yang menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan (STPM) yang mengambil mata pelajaran kesusasteraan Melayu sejak beberapa tahun belakangan ini. Karya-karya ciptaan mereka sama ada yang berupa puisi mahupun cerpen dijadikan bahan rujukan dan bacaan teks wajib. Antaranya ialah penyair terkenal tanahair Dharmawijaya, yang lebih dikenal dengan penyair Kampung Talang. Bagi peminat puisi di tanahair dan pelajar-pelajar kita tentu saja nama Dharmawijaya sentiasa dalam ingatan. Dharmawijaya merupakan salah seorang penyair yang cukup prolifik dan produktif menghasilkan puisi-puisi terutama di tahun-tahun 1960an dan 1970an. Keresahan dunia petani dan masyarakat desa serta tentang keindahan alam semula jadi adalah menjadi tumpuan persepsi penyair Dharmawijaya dalam ciptaan-ciptaannya, terutama pada puisi-puisinya yang terkumpul dalam antologi *Warna Maya* (1974). Sumbangan Dharmawijaya dalam bidang puisi tanahair sesungguhnya memang tidak dapat dinafikan.

Kemunculannya dalam genre ini sejajar dengan penyair-penyair terkenal kita lainnya seperti Baha Zain, Muhammad Haji Salleh, Latiff Mohiddin, Jihaty Abadi, Kemala dan lain-lain. Dalam mencipta Dharmawijaya tidak hanya sekadar mementingkan kuantiti malah lebih jauh ialah kualitinya. Justeru itu tidak hairanlah kalau penyair ini pernah dinyatakan sebagai salah seorang pemegang Hadiah Karya Sastera pada tahun 1971 dengan puisinya *Sumpah Tanahair* dan pada tahun 1976 dengan puisinya *Masih Ada*. Keterlibatan Dharmawijaya ini bukan saja dalam penciptaan puisi malah juga sebagai seorang intelek yang berkemampuan tinggi untuk membicarakan hasil karya puisi itu sendiri. Dalam

hal ini pembicaraan Dharmawijaya ternyata amat bernas, teliti dan luas skop pemikirannya. Ini dijemakan dalam bukunya *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden 1933-1957* (1982) dan *Dunia Dalam Puisi Timbang Terima dan Meditasi* (1975: Latihan Ilmiah yang belum terbit) di samping beberapa buah esei kritikan sasteranya yang tersibar luas melalui media cetak.

Di samping Dharmawijaya terdapat juga beberapa orang penyair lagi yang turut menyumbangkan tenaganya dalam bidang puisi ini, walaupun nama mereka belum sampai ke puncak mercu seperti Dharmawijaya, misalnya Mahaya Mohd. Yassin dan Salim Haji Taib yang telah menghasilkan sebuah antologi puisi berjudul *Rakaman Maya dan Sebuah Lagu Maya* (1975; stensilan), Ayob Yassin, Ghazali Arbain, Hafsa Abdullah, Isbiha, Abdullah A.R., Ismail, Mohd. Salleh Salimin, Dharmala N.S. yang telah menghasilkan sebuah antologi puisi berjudul *Suara Dari Lembah* (1976: stensilan) dan lain-lain, terutama mereka yang bernaung di bawah bendera Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN), di mana beberapa tahun belakangan ini PEN bergerak aktif dalam usaha meningkatkan lagi prestasi penulisan ahli-ahlinya disamping melibatkan diri dalam berbagai seminar, simposium, bengkel dan pertemuan-pertemuan sastera lainnya. Badan ini sentiasa mendapat galakan spiritual dan kebendaaan dari penaung-penaung mereka terutama dari Datin Maznah Muhammad. Malah PEN juga pernah menjadi tuan-rumah dan menganjurkan Malam Puisi Tanahair dan Diskusi Sastera 1982 bertempat di Cahaya Negeri, Port Dickson.

Mungkin tidak dapat dinafikan bahawa beberapa orang ahli PEN yang giat berpuisi itu bukan berasal dari Negeri Sembilan umpamanya Isbiha, Mohd. Salimin dan Salim Haji Taib, namun karya-karya mereka itu adalah dihasilkan sewaktu mereka berada, bertugas di negeri itu. Kegiatan dan hasil ciptaan mereka itu terkumpul dalam beberapa buah antologi bersama seperti *Serunai Hati* (1972: stensilan), *Gema Pertama Suara Serunai Hati* (1981: stensilan) dan juga *Gema Serunai Hati* (1981).

Walaupun dalam bidang drama dan novel sumbangan penulis-penulis Negeri Sembilan terhadap perkembangan kesusasteraan tanahair ini tidak begitu menonjol berbanding dengan bidang puisi dan cerpen, terutama sekali bila dilihat dari segi karya-karya yang terhasil dan juga penulis yang melibatkan diri. Namun ini bukanlah bermakna bahawa penulis-penulis tanah adat perpatih ini tidak dapat berseiring jalan dengan penulis-penulis tanahair lainnya. Dalam hal ini kita masih dapat menampilkan nama Dharmala N.S. dan Kala Dewata. Sejauh ini Dharmala N.S. adalah merupakan penulis novel yang berpotensi bukan saja di Negeri Sembilan malah ditanahair kita, walaupun setakat ini ia baru menghasilkan dua buah novel iaitu *Jejak Pulang* (1979) dan *Lembah Tercinta* (1979). Apa yang menarik pada novel *Jejak Pulang*, pemenang ketiga sayembara novel GAPENAYAYASAN Sabah 1979 ini ialah tentang tema dan persoalan-persoalan yang menjadi pemikiran dan pandangan pengarangnya Dharmala N. S. dalam novel ini menggambarkan dan mempersoalkan tema dan persoalan yang menyangkut tentang masyarakat di sebuah daerah adat perpatih. Tema dan persoalan adat ini memang jarang diungkapkan sebelumnya. Dharmala N.S. cuba mengungkapkan tentang pergolakan-pergolakan yang terjadi di dalam lingkungan

adat itu, secara serius. Walaupun Kamarulzaman Yahya pernah menyuarakan pemikirannya dalam bentuk cerpen yang berjudul "Perempuan di Daerah Adat" (*Berita Minggu* 26/5/63), dan juga dalam beberapa cerpen Dharmala N.S. sendiri.

Di samping itu Kala Dewata telah menghasilkan sebuah novel yang berjudul *Hati Dan Hasrat* (1966), yang membawakan tema dan persoalan sewaktu zaman Jepun. Namun bagaimanapun sebagai penulis Negeri Sembilan nama Kala Dewata lebih mencerminkannya sebagai seorang teaterwan atau dramatis dari seorang novelis dan cerpenis. Kemunculannya dalam bidang drama dan teater sejak tahun-tahun 1960an hingga 1970an benar-benar telah memecahkan tradisi pementasan drama di tanahair kita pada waktu itu. Hal ini bukan saja terjelma dari segi tema dan persoalan-persoalan yang menjadi pemikiran dan renungannya, malah juga dari aspek pementasan dan persembahan. Bila menyebut saja nama Kala Dewata kita akan tergambar beberapa buah drama ciptaannya yang pernah menanjakkan namanya dibidang ini, misalnya *Atap Genting Atap Rembia* (1972), *Robohnya Kota Lukut* (1963), *Di Balik Tabir Harapan* (1966), *Dua Tiga Kucing Berlari* (1966), *Titik-titik Perjuangan* (1966) dan lain-lain. Kala Dewata dan beberapa dramatis lainnya seperti Usman Awang, A. Samad Said dan Kalam Hamidi pada waktu itu benar-benar telah dapat membentuk dan membina serta mencorakkan pementasan dan persembahan drama yang lebih matang terutama persembahan dan pementasan yang beraliran realisme. Walaupun skrip-skrip itu telah lama diciptakan oleh Kala Dewata namun hingga kinipun masih sering dipentaskan, terutama drama masyarakatnya yang berjudul *Atap Genting Atap Rembia* dan *Pegawai Khalwat*.

Sedangkan dalam bidang cerpen pula beberapa cerpenis yang berasal dari tanah adat perpatih ini telah berjaya mengukir nama mereka sederet dengan cerpenis-cerpenis terkenal tanahair. Mereka dapat bersaing nilai atau kualiti ciptaan. Dan ini sesungguhnya menggalakkan. Dalam hal ini nama cerpenis Ali Majod, Dharmala N.S. dan Mokjamus di samping beberapa nama lainnya, misalnya Stanza (allahyarham), Zulkifli Abu, Abu Bakar Ali (allahyarham) dan lain-lain lagi. Ternyata kemunculan cerpenis Ali Majod, Dharmala N.S. Zainal Abidin Bakar, Mokjamus dan lain-lainnya itu dalam bidang cerpen ini, telah turut menanjakkan lagi geraf perkembangan cerpen Melayu sejak tahun-tahun 1960an akhir hingga kini. Mereka benar-benar memberikan sumbangsih yang tiada nilainya dalam arus perkembangan kesusasteraan kita. Mereka berkarya bukanlah setakat menggunungkan khazanah cerpen kita tetapi juga amat berhati-hati dalam nilai estetik demi meningkatkan lagi mutu cerpen Melayu. Justeru itu tidak hairanlah kalau beberapa orang dari mereka pernah dinyatakan sebagai pemenang dalam beberapa sayembara cerpen sama ada yang dianjurkan oleh institusi pemerintah mahupun oleh badan-badan swasta. Ali Majod umpamanya pernah memenangi Hadiah Karya Sastera pada tahun 1971 dengan cerpennya yang berjudul *Penunggu* dan pada tahun 1972 dengan cerpennya yang berjudul *Semacam Kepuasan* dan *Ngayau*. Ali Majod juga pernah memenangi hadiah penghargaan dalam sayembara cerpen ESSO-GAPENA II, 1982 dengan

cerpennya yang berjudul *Songkekisme*.

Dalam konteks sayembara atau peraduan ini Dharmala N.S. juga pernah memenangi beberapa kali, umpamanya memenangi Hadiah Karya Sastera pada tahun 1972 dengan cerpennya yang berjudul *Haruan*. Di samping itu Dharmala N.S. juga pernah memenangi sayembara cerpen ESSO-GAPENA II dengan cerpennya yang berjudul *Rakit* dan sayembara cerpen ESSO-GAPENA III dengan cerpennya yang berjudul *Kasut* dan *Bubu*.

Melihat pada penglibatan penulis-penulis di atas itu memanglah tidak dapat hendak dinafikan bahawa mereka benar-benar telah memainkan dan memberikan sumbangan yang cukup besar terhadap khazanah perkembangan kesusasteraan Melayu moden kita baik era sebelum mahupun selepas perang hingga kini. Sama ada sumbangan dan penglibatan itu mereka berikan secara individu mahupun secara kelompok atau persatuan, seperti yang ditonjolkan oleh PEN itu. Apa yang diharapkan kepada penulis-penulis karya kreatif imajinatif yang berasal dari tanah adat perpatih ini ialah agar mereka terus berkarya dan terus berusaha untuk meningkatkan lagi nilai karya-karya yang mereka lahirkan, sesuai dengan hasrat dan cita-cita kita untuk meningkatkan lagi mutu sastera kebangsaan atau sastera Melayu setanding dengan sastera negara lain yang telah jauh ke depan. Di samping itu kita mengharapkan juga agar mereka lebih banyak menggali, menimba dan mengolah tema-tema dan persoalan-persoalan yang menyangkut atau yang berkisar tentang masyarakat yang masih berpegang dan mengamalkan sistem adat perpatih ini. Kita sedia maklum masih banyak persoalan-persoalan tentang kehidupan masyarakat yang dilingkungi oleh adat ini yang belum dimunculkan dalam karya-karya sastera kreatif imajinatif. Mungkin tidak seberapa bilangan penulis tanahair yang boleh menyelam jauh ke dasar adat perpatih ini, selain dari penulis-penulis Negeri Sembilan sendiri. Dan cuba mengungkapkannya dalam nada dan gaya yang lebih mengesankan dan menyakinkan pembaca, sama ada dalam bentuk cerpen mahupun novel seperti yang pernah dilakukan oleh Dharmala N.S. Namun apa yang pernah diungkapkan oleh Dharmala N.S. ini saya percaya baru segelintir kisah saja.

Malah dalam penciptaan puisi juga hal ini tentu saja boleh dilakukan. Dari besar kemungkinan keindahan-keindahan dari segi penerapan bahasanya dapat dimunculkan atau dirasakan berbanding dalam karya prosa itu. Kita tentu saja tidak mahu melihat nilai-nilai dan sistem adat perpatih yang telah bertapak lama di Negeri Sembilan itu tinggal kaku ataupun statis dalam ungkapan-ungkapan puisi tradisi yang berupa pepatah, petiti, teromba, perbilang dan sebagainya. Di mana sesekali diucapkan oleh orang-orang tertentu pada sesuatu upacara keraian atau penabalan pembesar. Dalam zaman yang serba mencabar ini kita bukan saja mahu melihat fungsi adat itu sebagai pengantar basa-basi pertuturan, namun yang lebih penting ialah apakah kesan atau efek yang boleh ditinggalkannya kepada pembaca. Atau apakah sesuatu perutusan yang boleh menimbulkan renungan dan pemikiran kepada pembaca apabila mereka membaca sesebuah karya sastera itu baik cerpen atau pun novel yang ada mengungkapkan tentang persoalan-persoalan dan nilai-nilai adat itu. Di sinilah terletaklah beban serta

tugas penulis-penulis Negeri Sembilan.

Dalam keadaan sekarang nilai-nilai dan ikatan sistem adat perpatih yang melingkungi sebahagian besar masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan beberapa tempat di Melaka, seharusnya mendapat pentafsiran yang lebih kemaskini sifatnya. Dan ini saya kira memang boleh dilakukan oleh penulis-penulis kita yang berasal dari Negeri Sembilan. Besar kemungkinan audience pembaca lebih banyak, kalau persoalan-persoalan adat itu diungkapkan dalam bentuk karya kreatif imajinatif berbanding dengan dalam bentuk puisi atau tradisi.

Para penulis seharusnya memandang sistem adat perpatih ini dari sudut kekuatan dan juga kelemahannya dan mengungkapkan dalam karya-karya mereka. Ini bukan saja akan memberikan manfaat kepada pembaca di Negeri Sembilan terutama sekali kepada generasi baru yang telah mulai renggang dengan dan longgar dengan sistem adat ini, malah juga kepada seluruh peminat sastera tanahair. Jejak langkah yang telah dirintis oleh Dharmala N.S. itu seharusnya diperluaskan lagi oleh penulis-penulis lainnya sesuai dengan perkembangan masyarakat kini. Lebih-lebih lagi dalam sesebuah novel, kerana novel boleh mengungkapkan banyak persoalan tentang kehidupan masyarakat adat itu. *Selama ini memang tidak dapat kita nafikan bahawa terdapatnya anggapan-anggapan atau tafsiran-tafsiran yang kurang menepati sasarannya terhadap nilai-nilai dan sistem adat perpatih malah ada kalanya menjadi gurauan pula. Dan kekeliruan serta kesamaran itu mungkin dapat diperjelaskan oleh penulis-penulis kita. Kalau Shahnnon Ahmad boleh menghidupkan unsur-unsur kedaerahannya dalam kebanyakan karya-karya cerpen dan novelnya, tentu saja penulis-penulis Negeri Sembilan boleh menaikkan imej masyarakat tanah adat ini dalam ciptaan-ciptaan mereka.*

NOTA KAKI

Penulis adalah pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.